

Ketotifen (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ketifen
2. Bagaimana Ketifen berfungsi
3. Sebelum mengambil Ketifen
4. Cara menggunakan Ketifen
5. Semasa menggunakan Ketifen
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ketifen
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ketifen

Ketifen digunakan untuk merawat pelbagai keadaan alergik seperti rhinitis (inflamasi membrane mukus dalam hidung), konjunktivitis (inflamasi membrane mukus dalam mata), dan rawatan profilatik untuk asma bronkial.

Bagaimana Ketifen berfungsi

Ketifen mengandungi ubat yang dipanggil ketotifen. Ia merupakan antihistamin yang menghalang pelepasan kimia badan yang dipanggil histamin. Histamin boleh menghasilkan simptom alergi seperti bersin, hidung berair dan mata berair.

Sebelum mengambil Ketifen

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Ketifen jika anda alergik (hipersensitif) terhadap ketotifen atau mana-mana komponen ubat yang berkenaan.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Ketifen jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Ketifen jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Baca seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Terutamanya: Sedatif, hipnotik, antihistamin dan alkohol.

Cara menggunakan Ketifen

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Kanak-kanak:

3 tahun dan ke atas: 5ml dua kali sehari.

6 bulan-3 tahun: 2.5ml dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil Ketifen dua kali sehari selepas makan atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan mengantuk dengan keadaan akibat ubat sedative yang teruk, kekeliruan dan

disorientasi, deyutan jantung cepat dan tekanan darah tinggi.

Semasa menggunakan Ketifen

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ketifen.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Ketifen dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengandung, merancang untuk menjadi mengandung atau menyusui, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Ketifen.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ketifen boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan termasuk mengantuk, mulut kering dan pening.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
55 & 57, Lorong Sempadan 2,
11400 Ayer Itam, Penang,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

7.2.2018

Cara penyimpanan dan pelupusan

Ketifen

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi daripada cahaya dan haba.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Manis, jernih, cecair hampir tidak berwarna dengan rasa pir.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ketotifen

- Bahan tidak aktif
Citric acid monohydrate
Sodium Citrate Dihydrate
Sucrose
Sorbitol solution 70%
Methylparaben
Propylene Glycol
Pearade flavor
Purified water

- Nombor MAL

MAL19921585AZ

Pengilang

Biolab Co., Ltd.
625 Bangpoo Industrial Estate
Samutprakarn, Thailand.